

## PROSEDUR PENDAFTARAN SYARIKAT PEMBEKAL

### JADUAL P-I- SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN SYARIKAT PEMBEKAL

BIL	PERKARA / SYARAT	KETERANGAN
1	Pendaftaran	Berdaftar di Pejabat Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan sebagai syarikat <i>sendirian berhad</i> .
2	Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Modal kewangan adalah sekurang-kurangnya B\$10,000.00 di atas nama syarikat.</li> <li>ii. Tidak ada jumlah minima saham berbayar diperlukan.</li> <li>iii. Syarikat untuk menyertakan dokumen mengenai kemudahan kewangan daripada institusi kewangan seperti <i>Banker Guarantee, credit line</i> dll. (jika ada)</li> </ul>
3	Kelulusan dan/atau pengalaman pemilik syarikat	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemilik sekurang-kurangnya lulus Tahun 9 / Penilaian Menengah Bawah (PMB). Kelulusan dan pengalaman pemilik akan dinilai mengikut kategori yang dipohonkan.</li> </ul>
4	Kadar Penglibatan Rakyat Melayu Brunei	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sekurang-kurangnya 30% Rakyat Melayu Brunei. (ownership) dan 50% (bagi pekerja)</li> </ul>
5	Keperluan Minima Tenaga Kerja	Bagi kategori kerja P04, sekurang-kurangnya mempunyai pekerja mahir iaitu <i>seorang professional</i> (1P) atau <i>2 orang teknikal</i> (2T) – khusus bagi syarikat yang terlibat dalam membekal dan memasang alat-alat elektronik.
6	Kursus Keselamatan dan Kesihatan (HSE)	Sekurang-kurangnya seorang pemilik menghadiri kursus HSE semasa pendaftaran. Semua dikehendaki menghadiri kursus HSE bagi syarikat yang berumur 4 tahun ke atas.
7	Lain-lain syarat	Keperluan mengikut kategori kerja perbekalan yang dipohonkan.

### JADUAL P-II – YURAN PROSES

JENIS PERMOHONAN	Pendaftaran Baru	Membaharui	Tambahan Kategori	Rayuan	Perubahan Maklumat
YURAN	\$50	\$50	\$50	\$50	\$50

**Denda (Penalty charges)** – B\$50.00 (*per submission*) akan dikenakan bagi permohonan yang TIDAK LENGKAP/atau dokumen sampingan LEWAT diterima. Ini adalah bagi mengelakkan permohonan yang dihadapkan tidak lengkap dan memastikan pemohon akan lebih teliti dalam menghadapkan permohonan.

### JADUAL P-III – YURAN PENDAFTARAN

KATEGORI KERJA PEMBEKAL	KADAR YURAN PENDAFTARAN BAGI SETIAP KATEGORI KERJA 3 TAHUN
P01, P02, P04, P05, P06, P07, P09, P10, P11	<b>\$225.00</b>
P03, P08	<b>\$1,500.00</b>

### JADUAL P-IV – KLASIFIKASI DAN KETERANGAN KATEGORI KERJA PERBEKALAN

KOD	TAJUK SUB-KATEGORI	KETERANGAN KERJA	KEPERLUAN
P01	Perkakas, Peralatan dan Alat Ganti	Membekal perkakas, peralatan dan alat ganti, tidak termasuk alat-alat elektrik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat lantikan sebagai pengedar</li> </ul>
P02	Rawatan dan Kimia	Membekal bahan-bahan rawatan dan kimikal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat lantikan sebagai pengedar</li> <li>• Mempunyai sijil / surat kebenaran daripada Kementerian Kesihatan, NBD</li> </ul>
P03	Bahan Binaan Asas	Membekal bahan-bahan binaan seperti batu, simen, besi (steel reinforcement bar) batu kelikir dan pasir	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memenuhi syarat-syarat yang sedia ada</li> </ul>
P04	Alat dan Perkakas Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membekal alat dan perkakas keselamatan. <i>Personal Protective Equipment (PPE) for all construction site requirement by Public Works Department.</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat lantikan sebagai pengedar</li> </ul>
P05	Alat-alat kejuruteraan elektrik, elektronik dan elektro-mekanikal	Membekal alat-alat kejuruteraan elektrik, elektronik dan termasuk elektro-mekanikal.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Produk yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE). JPM</li> <li>▪ Sijil pengiktirafan /sijil pengedar</li> <li>▪ Keterangan mengenai pekerja mahir bagi yang terlibat dalam memasang alat-alat elektronik.</li> </ul>
P06	Perabot	Membekal alat-alat perabot rumah dan pejabat	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Surat lantikan sebagai pengedar</li> </ul>
P07	Paip	Membekal semua bentuk paip yang diperbuat daripada keluli, konkrit, pvc atau gabungan termasuk kelengkapan dan aksesori.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Surat lantikan sebagai pengedar</li> </ul>
P08	Ready-Mixed Concrete	Membekal <i>ready-mixed concrete</i> .	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memenuhi syarat-syarat yang sedia ada</li> </ul>
P09	Produk Pembinaan / bangunan	Membekal bahan-bahan binaan .	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Surat lantikan sebagai pengedar</li> </ul>

**JADUAL P-IV –**

### KLASIFIKASI DAN KETERANGAN KATEGORI KERJA PERBEKALAN

KOD	TAJUK SUB-KATEGORI	KETERANGAN KERJA	KEPERLUAN
P10	Struktur Logam dan Kayu	Membekal aluminium, keluli, keluli aloy dan komponen struktur kayu, logam dan perancah (scaffolds)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Surat lantikan sebagai pengedar</li> </ul>
P11	Sanitary Products	Membekal barang-barang <i>sanitary fittings</i> termasuk <i>washing basins, bidets</i> , mangkuk tandas dan tab mandi. Pembekal paip perlu berdaftar dibawah kod P07	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Surat lantikan sebagai pengedar</li> </ul>

**NOTA:**

1. Bagi pendaftaran Persijilan Barang (Product Certification), sila hadapkan permohonan ke Unit Piawaian & Pengiktirafan, Divisyen Pihak Berkuasa Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi) dengan menggunakan borang yang disediakan.
2. Bagi kategori perbekalan **P03 & P08** – pemohon dikehendaki untuk meneliti keperluan pendaftaran di Unit Piawaian & Pengiktirafan, Divisyen Pihak Berkuasa Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi)

